

Semua Ketua Setiausaha Kementerian

Semua Ketua Pengarah/Pegawai Pengawal Jabatan Persekutuan,

Semua Ketua Bahagian Perbendaharaan Malaysia,

Semua Ketua Pejabat Cawangan Jabatan Akauntan Negara.

Y.B. Tan Sri/Y.B. Dato'/Tuan/Puan,

**SURAT PEKELILING AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA BILANGAN 3 TAHUN 1983**

**PENYATA ALIRAN WANGTUNAI**

**1. Pendahuluan**

1.1. Dalam bulan Mei 1981 Akauntan Negara telah mengeluarkan satu Surat Arahan Akauntan Negara Malaysia Bil.3/81 meminta semua jabatan mengakaun sendiri, semua pejabat cawangan Jabatan Akauntan Negara dan Perbendaharaan Malaysia menghantar penyata aliran wangtunai pada tiap-tiap minggu kepada Akauntan Negara di Kuala Lumpur. Bagi maksud mengemaskini dan menyediakan laporan aliran wangtunai yang lebih tepat dan berkesan, maka mulai 1hb. Julai, 1983, Jabatan Akauntan Negara perlu mendapatkan maklumat ramalan wangtunai yang lebih lengkap lagi dari semua jabatan kerajaan di seluruh negara.

1.2. Bagi maksud surat pekeliling ini perkataan "jabatan" adalah juga dtermasuk kementerian.

**2. Tujuan**

2.1. Tujuan mengadakan maklumat ramalan wangtunai ini adalah untuk menentukan bahan penguntukan wangtunai dibuat dengan lebih tepat, pengurusan wangtunai dapat diperkemaskan, keperluan kewangan dapat disediakan dengan secukupnya bila dikehendaki, dan wang yang berlebihan dapat diuruskan dengan lebih menaafat.

2.2. Semua ramalan wangtunai yang berdasarkan kepada maklumat perbelanjaan jabatan yang dirancangkan bagi sepanjang tahun akan disatukan untuk mendapatkan suatu gambaran yang penuh dan kemaskini bagi Kerajaan Persekutuan, dan, jika perlu, langkah-langkah yang lebih awal akan diambil untuk memperbetulkan apa-apa kekurangan yang timbul.

2.3. Ramalan wangtunai ini juga akan digunakan untuk memberi panduan bagi mengatur usaha mendapatkan pinjaman-pinjaman supaya pinjaman-pinjaman itu didapatkan hanya tepat pada masa ianya betul-betul diperlukan. Langkah ini akan dapat mengelakkan Kerajaan Persekutuan daripada membayar kos pinjaman yang tidak perlu.

**3. Tatacara**

3.1. Untuk mendapatkan maklumat yang lebih lengkap, dua format penyata aliran wangtunai, iaitu

AN.CF.13A dan AN.CF.13B, disediakan seperti lampiran berkembar.

3.2. Penyata AN.CF.13A meliputi tahun semasa dan adalah untuk ramalan bulanan bagi penerimaan dan perbelanjaan. Penyata ini hendaklah dikemaskinikan pada tiap-tiap suku tahun iaitu pada awal bulan Januari, April, Julai dan Oktober dan mestilah sampai kepada Akauntan Negara pada atau sebelum 15hb. Tiap-tiap bulan tersebut.

3.3. Penyata AN.CF.13B ialah untuk ramalan mingguan bagi dua bulan dan hendaklah dikemaskinikan pada tiap-tiap hari sabtu.

3.4. Jika tarikh akhir bulan bagi sesuatu bulan itu tidak jatuh pada hari sabtu maka sebahagian dari perbelanjaan bagi minggu yang berkenaan hendaklah diturunkan sebagai perbelanjaan bagi minggu kelima bagi bulan tersebut, dan bakinya sebagai perbelanjaan minggu pertama bagi bulan berikutnya.

3.5. Perbelanjaan mestilah dirancangkan dengan teliti supaya ianya tidak berkelompok dalam sesuatu tempoh, terutama sekali pada akhir tahun. Perbelanjaan pada penghujung tahun semata-mata untuk menghabiskan peruntukan adalah tidak digalakkan.

3.6. Penyata AN.CF.13B mestilah sampai ke jabatan Akauntan Negara sebelum pukul 10 pagi pada tiap-tiap hari Isnin.

3.7. Jabatan yang diberi khidmat oleh pejabat cawangan jabatan Akauntan Negara mestilah mengemukakan ramalan mereka kepada cawangan yang berkenaan.

#### 4. Punca Maklumat

4.1. Jabatan adalah dinasihatkan supaya mendapatkan maklumat dari peringkat yang paling rendah. Ini adalah digalakkan kerana pihak tersebut mengetahui keadaan yang sebenarnya dengan lebih tepat. Walaubagaimanapun, pengurus jabatan mestilah mempastikan bahawa maklumat yang diterima itu adalah benar sebelum menyediakan penyata untuk dikemukakan kepada jabatan Akauntan Negara atau pejabat cawangannya yang berkenaan.

#### 5. Penyemakan

5.1. Adalah disyorkan supaya tanggungjawab menyediakan penyata aliran wangtunai ini diserahkan kepada seorang pegawai yang tertentu dan seorang pegawai yang lain diberi tugas untuk menyemak penyata itu sebelum ianya dikemukakan. Tujuan semakan ini adalah untuk menentukan bahawa maklumat yang diberi adalah betul, tepat dan lengkap. Pegawai yang menyemak mestilah berpengetahuan tentang selok-belok sistem dan kedudukan kewangan yang sebenar di seluruh jabatan. Sebelum disampaikan kepada Jabatan Akauntan Negara, penyata tersebut mestilah disahkan betul oleh pegawai pengawal ataupun pegawai kanan yang diberi tanggungjawab atasnya oleh pegawai pengawal.

#### 6. Penutup

6.1. Ramalan aliran wangtunai adalah alat yang amat penting dalam bidang pengurusan wangtunai. Oleh itu, adalah mustahak jabatan Akauntan Negara mendapatkan kerjasama yang sepenuhnya daripada semua jabatan agar hasrat kerajaan untuk mengujudkan suatu sistem pengurusan wangtunai yang teratur dan berkesan akan tercapai.

6.2. Jika terdapat sebarang masaalah mengenai Surat Pekeliling ini, sila berhubung dengan akauntan pengurusan wangtunai di Seksyen Akaun Pusat, Jabatan Akauntan Negara Malaysia, Kuala Lumpur.

Sekian, terima kasih.

( DATO' SHAMSIR BIN OMAR )

Akauntan Negara Malaysia.

s.k:

Ketua Odit Negara, (2) Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan 1,

Malaysia, Kementerian Kewangan

KUALA LUMPUR. Khazanah Malaysia,

Jalan Duta,

KUALA LUMPUR.

Pengarah Bahagian Belanjawan,

Kementerian Kewangan,

Khazanah Malaysia,

Jalan Duta,

KUALA LUMPUR.